

UMS-KAL sasar lima emas pada Sukan Staf UMS 2012

UB 20-01-2012 A14

LABUAN : Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mensasarkan lima pingat emas pada Kejohanan Sukan Staf UMS ke-12 yang akan bermula pada 27 - 29 Januari di Kota Kinabalu:

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata, sasaran itu agak realistik berdasarkan kejayaan kontinjen IKAL itu meraih empat emas melalui acara dart, bola jaring, bola tampar lelaki dan bola tampar wanita pada Sukan Staf 2010.

Katanya, atlet UMS-KAL perlu mempertahankan empat pingat emas yang diperolehi pada Sukan Staf ke-11 itu dan menambah satu lagi emas sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) kontinjen tahun ini.

“ Jika kita berjaya mendapat lima pingat emas, ianya merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan oleh semua atlet UMS-KAL, “ katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Pengarah Kampus dan penyerahan bendera kontinjen UMS-KAL sempena Sukan Staf UMS 2012 di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Tingkat 11, Bangunan Menara UMS-KAL, kelmarin.

Pada majlis itu, Prof Dr Shariff turut menyerahkan jersi kepada pengurus-pengurus pasukan yang akan menyertai Kejohanan Sukan Staf UMS tahun ini.

Turut hadir, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran; Musnin Mattersah, Penolong Pendaftar Kanan Akademik; Roslan Gimba dan Pegawai Belia dan Sukan; Gabriel Moinjil.

Kontinjen UMS-KAL akan diketuai oleh Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL); Dr Ag Asri Ibrahim yang akan dibantu oleh Timbalannya; Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Seramai 132 atlet akan menyertai

acara golf, bola tampar, olahraga, tenis, futsal, badminton, dart, ping pong, boling, pool, hoki, catur, kayak, bola jaring, tarik tali, sepak takraw dan karaoke serta battle of the bands.

Sehubungan itu, Prof Dr Shariff mahu semua atlet bermain bersungguh-sungguh, fokus semasa perlawanan dan menjaga disiplin sebelum dan semasa permaian diadakan.

“ Kalau pemain fokus menentang lawan, saya yakin, UMS-KAL mampu meraih lebih banyak pingat emas, perak mahupun gangsa, “ katanya.

Majlis perasmian Sukan Staf UMS 2012 akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon pada 27 Januari di Kompleks Sukan UMS manakala majlis penutupan dan penyampaian hadiah pada 29 Januari di Laman Graduan Dewan Canselor UMS.



PROF Dr Shariff (lima dari kiri) dan Musnin (lima dari kanan) bersama pegawai dan atlet Kontinjen UMS-KAL yang akan menyertai Sukan Staf UMS 2012.